

Para ulama bersepakat bahawa makan sambil berdiri tidak haram. Mereka berselisih antara harus atau hukumnya makruh.



IMAM NAWAWI

Namun Imam Nawawi memberikan pandangan makan sambil berdiri tidak makruh pun. Beliau berkata:

وَأَمَّا الْأَكْلُ قَائِمًا فَإِنْ كَانَ لِحَاجَةٍ فَجَائِزٌ
وَإِنْ كَانَ لِغَيْرِ حَاجَةٍ فَهُوَ خِلَافٌ
الْأَفْضَلِ وَلَا يُقَالُ إِنَّهُ مَكْرُوهٌ

“ Adapun makan sambil berdiri dibolehkan jika ada keperluan. Jika tidak ada keperluan, makan sambil berdiri menyelisihi hal yang utama. Namun, (makan berdiri) ini tidaklah dikatakan makruh. ”

[Imam an-Nawawi. Fatawa an-Nawawi, no.105]

PARA SAHABAT MELAKUKANNYA

Bahkan, Imam Nawawi menyatakan para sahabat makan sambil berjalan sebagaimana riwayat dari Ibnu Umar beliau berkata:



كُنَّا نَأْكُلُ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى
اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَنَحْنُ مَشِيٌّ وَنَشْرَبُ
وَ نَحْنُ قِيَامٌ

“ Kami makan, pada zaman Rasulullah saw., sambil berjalan dan minum sambil berdiri. ”

[Hadis at-Tirmizi no.1880, hadis hasan sahih]

KESIMPULAN

makan sambil berdiri **tidak haram dan tidak pula makruh**. Ini dibolehkan, baik ada keperluan untuk berdiri maupun tidak ada keperluan. **Namun yang utamanya adalah duduk.**

SUMBER

Fiqih Praktis Sehari-Hari FARID NUI'MAN HASAN (173-176)